



JULY

2009

Untuk Edaran Dalaman Sahaja

SUARA ePerolehan

Menarik di dalam

Prestasi Transaksi & Penggunaan Sistem ePerolehan sehingga Disember 2008

ms2-3

eCAT - Nadi penting rangkaian e-Dagang anda

ms4

Peluasan Penggunaan Modul Sebut Harga dan Tender melalui Penguatkuasaan Surat Pekeliling Perbendaharaan

ms6

Alami perkhidmatan cawangan Pusat ePerolehan yang berwajah serba baru

ms9

Pameran ePerolehan sempena WCIT 2008

ms14

Lawatan Rasmi ke Pusat Agensi Perolehan di Republik Korea

ms15

<http://home.eperolehan.com.my/bm/press/suara2009.aspx>

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 3 Tahun 2009 : Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara eBidding Melalui Sistem ePerolehan




Modul eBidding merupakan satu bentuk perolehan tambahan dan pilihan yang berkonsepkan bidaan atas talian, realtime dan interaktif. eBidding adalah berkonsepkan lelongan terbalik (Reverse Auction) iaitu bidaan dibuat atas penurunan harga di dalam nilai gandaan tertentu. Proses eBidding dibuat oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan pembekal-pembekal yang layak bagi mendapatkan harga terendah dan munasabah. Perolehan melalui eBidding yang lebih cepat dan mudah ini disarankan untuk barang yang mempunyai spesifikasi standard serta bersesuaian.

eBidding melibatkan empat (4) proses utama iaitu persediaan, pra-kelayakan, bidaan atas talian dan pembekalan. Di peringkat persediaan, urus setia Kementerian/Jabatan perlu menyediakan spesifikasi perolehan melalui Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi, menubuhkan Jawatankuasa Pra-kelayakan dan menetapkan syarat dan terma penyertaan

pembekal termasuk pengiklanan. Di peringkat pra-kelayakan, pembekal yang memenuhi syarat kelayakan pembekal akan menghantar cadangan tawaran permulaan untuk dinilai oleh Jawatankuasa Pra-kelayakan. Pembekal yang disenarai pendek selepas penilaian Pra-kelayakan berdasarkan pematuhan spesifikasi teknikal dan kriteria yang ditetapkan akan dijemput untuk menyertai proses bidaan atas talian.

Dalam proses bidaan atas talian, pembekal dapat mengetahui kedudukan sendiri dan ini mendorong untuk bersaing secara sihat dengan menurunkan harga mengikut nilai gandaan tertentu dalam tempoh masa ditetapkan. Keputusan akan dikeluarkan kepada pembekal yang menawarkan harga bidaan terendah. Akhir sekali, surat setuju terima akan dikeluarkan kepada pembekal dalam proses pembekalan untuk membolehkan bekalan atau perkhidmatan dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan.



Faedah yang dinikmati oleh Kerajaan melalui modul eBidding ini antara lain ialah mempercepatkan proses membuat keputusan ke atas pembekal yang berjaya, urusan perolehan menjadi lebih mudah kerana pembekal akan disaring berdasarkan pematuhan spesifikasi teknikal sebelum dipelawa untuk membuat bidaan secara atas talian, penjimatan kos Kerajaan kerana harga berdasarkan harga terendah yang mencerminkan harga pasaran sebenar, mewujudkan ketelusan dalam urusan perolehan dan urusan perolehan lebih cepat berbanding dengan proses tender biasa.

Manakala faedah kepada pembekal pula ialah pembekal boleh bersaing dengan lebih telus, mendapat keputusan dengan lebih cepat, menjimatkan masa dan kos operasi dan sesuatu urusan perolehan menjadi lebih mudah kerana pembekal boleh membida dari mana-mana lokasi yang membolehkan sistem eP dicapai secara atas talian.

SPP ini boleh didapati dengan melayari laman web Kementerian Kewangan www.treasury.gov.my atau laman web ePerolehan www.eperolehan.gov.my.

Soalan Lazim Mengenai SPP Bil. 3 Tahun 2009

S1: Siapakah yang akan melantik Jawatankuasa Pra Kelayakan?

J1: Jawatankuasa Pra Kelayakan dilantik oleh Kementerian/Jabatan yang dipersetujui oleh Pegawai Pengawal.

S2: Siapakah yang diberi kuasa untuk memantau proses bidaan atas talian? Adakah Urusetia sebut harga/tender atau mereka yang dilantik oleh Ketua Jabatan?

J2: Ketua Jabatan mempunyai kuasa untuk menentukan ahli-ahli termasuk urus setia yang diperlukan semasa proses bidaan atas talian berlangsung. Lembaga Perolehan juga digalakkan untuk memantau proses bidaan berkenaan.

S3: Sekiranya harga tawaran eBidding sama, adakah Lembaga Perolehan boleh menggunakan budi bicara untuk memuktamadkan keputusan?

J3: Keputusan eBidding adalah berdasarkan kepada harga terendah yang ditawarkan oleh pembekal. Sekira harga tawaran sama di antara pembekal,

keputusan adalah bergantung kepada ranking. Pembekal yang pertama membida harga berkenaan akan mendapat ranking pertama.

S4: Jika pembekal yang menyertai sesuatu eBidding, memenangi bidaan dan diberi surat setuju terima (LOA) tetapi telah menarik diri. Adakah pembekal yang kedua rendah boleh ditawarkan atau adakah proses eBidding perlu dibuat semula?

J4: Tindakan tatatertib akan diambil ke atas syarikat yang menarik diri. Pembekal kedua terendah akan dipilih dan tidak perlu melaksanakan semula eBidding.

S5: Jika tempoh sah laku Sijil Kementerian Kewangan telah tamat di antara tarikh notifikasi dan eBidding, adakah syarikat masih boleh membuat bidaan?

J5: Syarikat berkenaan tidak layak untuk membuat bidaan kerana tempoh sah laku sijil berkenaan telah luput. Pembekal dinasihatkan untuk membaharu sijil sebelum menyertai sesuatu eBidding.

SIDANG REDAKSI SUARA ePEROLEHAN EDISI 18

Penasihat Eksekutif

Nor'aini Abdul Razak
Madzli Tasrin Othman

Editor Bersama

Wan Siti Eshah Wan Ahmad
Hafidz Ahmad Zehnun

Penolong Editor

Muhammad Azlan Zakaria

Penulis

Hafidz Ahmad Zehnun
Muhammad Azlan Zakaria
Nurshafina Mohd Yusoff

Kreatif

Hafidz Ahmad Zehnun
Salinawati Sani
Muhamad Effendi Abdul Rahman

Fotografi

Samsuri Sabari
Abd. Rahman Yusof

Sekretariat Penerbitan

Hafidz Ahmad Zehnun
Salinawati Sani
Nur Aaina Najiah Mohamedsha

Komunikasi Korporat

Suriati Mohd Mokhtar



Penyelaras Projek



Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan Malaysia
uniteperolehan.gov.my

Pembangunan dan Pengurusan Sistem

commerce dot com
commercedc.com.my



2009 CDCSB. Hak Cipta terpelihara



Alamat surat-menjurat:

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Tingkat 2, Wisma AMTEK, Jalan Tandang
46000 Petaling Jaya, Selangor.


Emel: editor_suaraeP@commercedc.com.my

Tel: 03 - 7985 7777

Percetakan: Reign Associates Sdn. Bhd.




Pencapaian Penggunaan Modul-modul ePerolehan oleh Kementerian pada Tahun 2008								
Bil. Kementerian/Jabatan	Kontrak Pusat		Pembelian Terus		Kontrak Kementerian		Jumlah Bil. Transaksi	Jumlah Nilai (RM) Transaksi
	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi		
1. JABATAN PERDANA MENTERI			34,095	187,934,766.26	8	1,180,923.46	34,103	189,115,690
2. KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN			10,052	70,029,319.84	7	387,464.70	10,059	70,416,785
3. KEMENTERIAN DALAM NEGERI			43,372	522,830,281.41	8	35,231,342.00	43,380	558,061,623
4. KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH			4,953	32,812,963.92			4,953	32,812,964
5. KEMENTERIAN KERJA RAYA			5,369	21,903,806.63			5,369	21,903,807
6. KEMENTERIAN KESIHATAN	15	7,204.60	112,873	1,033,768,030.20	2,131	48,605,196.43	115,019	1,082,380,431
7. KEMENTERIAN KEWANGAN	1	3,580.00	14,448	59,019,271.73	1	2,265.00	14,450	59,025,117
8. KEMENTERIAN LUAR NEGERI			1,437	9,680,635.40			1,437	9,680,635
9. KEMENTERIAN PELAJARAN	3	46,433.00	38,980	302,255,740.65	142	99,710,959.45	39,125	402,013,133
10. KEMENTERIAN PELANCONGAN	1	646.00	1,002	5,847,576.47	3	225,000.00	1,006	6,073,222
11. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	1	1,847.00	5,256	46,671,124.71			5,257	46,672,972
12. KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN			12,926	83,355,524.50			12,926	83,355,525
13. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	1	54,210.00	9,611	78,254,191.65	31	601,236.01	9,643	78,909,638
14. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN			7,036	56,479,041.40			7,036	56,479,041
15. KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI			1,341	7,083,985.03			1,341	7,083,985
16. KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUUNAN			2,666	17,277,933.93			2,666	17,277,934
17. KEMENTERIAN PERTAHANAN			37,703	746,510,008.50	493	7,597,267.64	38,196	754,107,276
18. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	6	11,960.00	12,470	69,759,341.06	33	9,430,298.67	12,509	79,201,600
19. KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	1	2,148.00	9,553	74,845,652.35			9,554	74,847,800
20. KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI			570	2,411,091.80			570	2,411,092
21. KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI			5,650	38,730,478.94			5,650	38,730,479
22. KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	3	7,694.00	8,211	49,858,682.43	12	2,648,930.20	8,226	52,515,307
23. KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA			7,216	51,118,583.94	6	452,359.24	7,222	51,570,943
24. KEMENTERIAN TENAGA, TENAGA HIJAU DAN AIR			488	2,082,408.19	3	12,000.00	491	2,094,408
25. KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN			597	4,044,917.68			597	4,044,918
JUMLAH KESELURUHAN	32	135,723	387,875	3,574,565,359	2,878	206,085,243	390,785	3,780,786,324



Pencapaian PTJ-PTJ Berstatus eP-enabled oleh Kementerian

Bil. Kementerian	Bil. PTJ	PTJ eP-enabled	Bil. PTJ Aktif
1. JABATAN PERDANA MENTERI	263	263	233
2. KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	47	39	33
3. KEMENTERIAN DALAM NEGERI	288	261	211
4. KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	30	30	21
5. KEMENTERIAN KERJA RAYA	73	68	66
6. KEMENTERIAN KESIHATAN	427	414	332
7. KEMENTERIAN KEWANGAN	131	131	131
8. KEMENTERIAN LUAR NEGERI	3	3	3
9. KEMENTERIAN PELAJARAN	265	211	176
10. KEMENTERIAN PELANCONGAN	8	8	8
11. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	80	67	49
12. KEMENTERIAN PENERANGAN,KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN	96	88	68
13. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	66	66	60
14. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	72	72	65
15. KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	9	9	5
16. KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN	28	28	17
17. KEMENTERIAN PERTAHANAN	102	102	101
18. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	223	183	116
19. KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	22	22	22
20. KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	1	1	1
21. KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI	20	20	17
22. KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	119	105	82
23. KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	120	118	92
24. KEMENTERIAN TENAGA,TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR	6	4	3
25. KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	4	3	2
Jumlah Keseluruhan	2,503	2,316	1,914



Pengenalan ringkas Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 7 April 2009: Pelaksanaan Sekurang-Kurangnya 70% Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan

Penggunaan sistem ePerolehan (eP) telah meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan bilangan transaksi dan nilai transaksi yang dicapai oleh setiap Kementerian. Pada sepanjang tahun 2008, sejumlah 514,292 bilangan transaksi bernilai RM6,018 juta telah menggunakan sistem eP. Walau bagaimanapun pencapaian ini secara relatifnya masih di tahap yang rendah jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan.

Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan berhasrat untuk meningkatkan penggunaan eP bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang eP enable bersama pembekal yang eP enable dengan menguatkuasakan satu Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 7 April 2009 mengenai Pelaksanaan Sekurang-Kurangnya 70% Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan.

SAP ini menggariskan supaya semua PTJ yang eP enable hendaklah memastikan sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah peruntukan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan

perunding) dilaksanakan melalui sistem eP. Peruntukan tahunan yang dimaksudkan adalah peruntukan bagi bekalan dan perkhidmatan daripada peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan yang telah diluluskan untuk tahun berkenaan.

Oleh itu, bagi memastikan SAP ini dipatuhi oleh setiap Kementerian/Jabatan, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah membuat perancangan perolehan tahunan yang teliti dan bertanggungjawab agar 70% perolehan bekalan/perkhidmatan dilaksanakan melalui sistem eP. Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan juga dikehendaki memantau pelaksanaan SAP ini.

Pihak Kementerian/Jabatan juga dinasihatkan memastikan pegawai dan kakitangan diberi pendedahan dan latihan secukupnya supaya perolehan melalui sistem eP dapat dilaksanakan secara lancar dan berterusan.

SAP ini boleh didapati dengan melayari laman web Kementerian Kewangan www.treasury.gov.my atau laman web ePerolehan www.eperolehan.gov.my.

Soalan Lazim Mengenai SAP Pelaksanaan Sekurang-Kurangnya 70% Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan.

S1: SAP mengenai Pelaksanaan Sekurang-Kurangnya 70% Perolehan Kerajaan Melalui Sistem eP terpakai kepada pihak mana?

J1: SAP 70% ini terpakai kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan sahaja.

S2: Adakah Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan termaktub di bawah peraturan ini?

J2: Tidak. SAP ini hanya termaktub kepada PTJ Kementerian/Jabatan Persekutuan yang eP enable.

S3: Apakah maksud 70% daripada peruntukan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan?

J3: Peruntukan tahunan adalah peruntukan belanja mengurus dan pembangunan kepada Kementerian/Jabatan. 70% daripada peruntukan bagi tujuan perolehan bekalan dan perkhidmatan hendaklah dibuat melalui sistem eP. Sebagai contoh, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan untuk perolehan

bekalan dan perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, sekurang-kurangnya sebanyak RM7 juta perolehan bekalan dan perkhidmatan perlu dibuat melalui sistem eP.

S4: Bagaimanakah pemantauan ke atas pelaksanaan 70% melalui sistem eP boleh dibuat?

J4: Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah membuat perancangan perolehan tahunan yang teliti dan bertanggungjawab agar 70% perolehan bekalan/perkhidmatan dilaksanakan melalui sistem eP. Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan juga berperanan untuk memantau pelaksanaan SAP ini.

S5: Bagaimana jika pihak Kementerian/Jabatan ingin mengadakan latihan berkaitan sistem eP kepada pegawai dan kakitangan terlibat?

J5: Pihak Kementerian/Jabatan yang ingin mengadakan latihan berkaitan sistem eP, boleh menghubungi Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan.

Taklimat Mengenai Surat Pekeliling Perbendaharaan Modul Sebut Harga, Tender dan e-Bidding

Di dalam usaha untuk meluaskan penggunaan Modul Sebut Harga, Tender dan eBidding melalui sistem ePerolehan, satu taklimat mengenai modul-modul berikut telah diadakan selama tiga hari di Sarawak pada 19,20 dan 21hb Mei 2009 dan di Sabah pada 26, 27 dan 28hb Mei 2009. Taklimat yang berlangsung selama tiga hari ini merupakan kerjasama antara Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. Acara ini merupakan salah satu acara yang penting dalam diari Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd kerana ia melibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pembekal-pembekal pada masa yang sama. Pada yang sama, taklimat ini dapat meluaskan rangkaian penggunaan ePerolehan di negeri Sarawak dan Sabah.



Pengarah Projek Unit ePerolehan, Tuan Haji Shukor Ibrahim telah merasmikan taklimat di Sarawak manakala di Sabah, Puan Wan Siti Eshah Bte Wan Ahmad mengetuai delegasi bagi Pihak Unit ePerolehan. Ucapan aluan telah diberikan oleh Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak dan Sabah di negeri masing-masing. Taklimat SPP yang berlangsung di Pejabat Perbendaharaan negeri meliputi pelbagai acara termasuk Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan melalui Sistem eP, Demonstrasi Sebut Harga, Tender dan eBidding, pelan pelaksanaan dan sesi soal jawab. Panel-panel yang terlibat dalam taklimat dan sesi soal jawab terdiri daripada pegawai-pegawai dari Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd dari Kuala Lumpur.

Layari laman web ePerolehan di www.eperolehan.gov.my bagi mengetahui maklumat-maklumat terkini dan mendapatkan keterangan lanjut.

Taklimat Pembekal ePerolehan 2009


Sesi Taklimat Pembekal 2009

Negeri	Tarikh	Lokasi
Johor Bahru	14hb Februari 2009	Kolej Komuniti Bandar Penawar
Kuala Lumpur	3hb Mac 2009	Kementerian Pelancongan Malaysia, The Mall, Putra Place
Johor Bahru	11hb & 12hb Mac 2009	Institut Perguruan Guru(IPG) Temenggong Ibrahim
Terengganu	11hb & 12hb Mac 2009	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Negeri Sembilan	25hb & 26hb Mac 2009	Institut Perguruan Raja Melewar
Pulau Pinang	22hb & 23hb April 2009	Auditorium A, Pulau Pinang
Perak	6hb & 7hb Mei 2009	Bangunan Persekutuan Green Town, Ipoh

Taklimat Pembekal merupakan acara tahunan Unit ePerolehan dengan kerjasama Commerce Dot Com Sdn. Bhd., iaitu pembangun sistem ePerolehan Commerce Dot Com Sdn. Bhd dengan kerjasama Unit ePerolehan Kementerian Kewangan Malaysia. Objektif taklimat yang telah bermula dari tahun 2007 ini adalah untuk menggalakkan pembekal dan bakal-bakal usahawan untuk mendaftar dengan sistem ePerolehan dan mendidik orang ramai mengenai sistem perolehan elektronik ini. Ekoran daripada sambutan yang amat mengalakkkan ke Taklimat Pembekal pada tahun 2008 telah menyaksikan perubahan dalam jadual Taklimat Pembekal 2009. Jadual Taklimat Pembekal untuk sepanjang tahun 2009 telah disusun dimana ia akan diadakan pada hampir setiap bulan di negeri seluruh Malaysia untuk memberi peluang kepada komuniti perniagaan yang semakin bertambah untuk menghadiri sesi Taklimat Pembekal. Kaunter pertanyaan dan perkhidmatan ePerolehan juga telah dibuka untuk memberi peluang kepada pembekal-pembekal dan bakal bakal usahawan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pertanyaan mengenai ePerolehan. Di antara aktiviti yang telah diadakan selain dari aktiviti kaunter pertanyaan dan khidmat nasihat, kaunter untuk pembayaran produk & perkhidmatan ePerolehan, pembolehan (Permohonan Kad MyeP / ePXS USB Crypto Token / Pembaca Kad Pintar, Permohonan Langganan Ruang Katalog eCat & Latihan ePerolehan), suntikan Sijil Digital untuk Kad MyeP dan ePXS USB Crypto Token, khidmat

rundingan mengenai produk dan perkhidmatan, tatacara transaksi ePerolehan, penghantaran dokumen sokongan permohonan pendaftaran lesen Kementerian Kewangan, semakan status permohonan Lesen Kementerian Kewangan dan promosi notifikasi percuma Tender2U selama 1 bulan. Ini adalah untuk mencapai sasaran untuk pembekal enable pada tahun 2009 iaitu sebanyak 20,000. Jumlah pembekal yang telah enable hingga hari ini adalah sebanyak 66688. Terma enablement ini adalah termasuk pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Akses Medium dan eCat. Modul Taklimat Pembekal 2008 adalah berlainan daripada tahun 2009. Pada tahun 2008, Taklimat Pembekal tersebut lebih menjurus pada modul Computer Based Training (CBT) Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender. Manakala untuk tahun 2009, modul Taklimat Pembekal telah bertukar dimana lebih banyak taklimat akan diberikan oleh pihak ePerolehan, Commerce Dot Com dan Bahagian Proses Kewangan (BPK). Taklimat oleh BPK adalah lebih menjurus kepada keperluan pendaftaran, permintaan status bumiputera dan sesi soal jawab.

Layari laman web www.commercedc.com.my untuk mengesahkan tempahan kehadiran dan untuk mengetahui jadual-jadual terkini Taklimat Pembekal ePerolehan 2009 melalui laman web ePerolehan www.eperolehan.gov.my. Jangan lepaskan peluang untuk mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan luaskan peluang perniagaan anda.



eBidding Mempertingkatkan Ketelusan, Kecekapan Dan Keberkesanan Sistem Perolehan Kerajaan

Sistem ePerolehan

Sistem ePerolehan merupakan salah satu daripada aplikasi utama Kerajaan Elektronik negara yang diperkenalkan menerusi inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC). Melalui ePerolehan, para pembekal dan Jabatan Kerajaan boleh melakukan urus niaga perolehan secara elektronik daripada mula hingga akhir (end to end) proses transaksi dalam persekitaran siber yang selamat dan terjamin. Sistem ePerolehan mempunyai empat objektif utama iaitu mendapatkan nilai terbaik (value for money) bagi perolehan Kerajaan, memastikan pembekal menerima pembayaran dengan lebih cepat serta tepat, menjamin akauntabiliti dan ketelusan dalam semua perolehan Kerajaan serta meningkatkan kerjasama di antara Kerajaan dengan sektor perniagaan.

Terdapat tujuh modul telah dibangunkan iaitu modul Pendaftaran Pembekal, Kontrak Pusat, Pembelian Terus, Kontrak Kementerian, Sebut Harga, Tender dan eBidding. Modul eBidding dibangunkan ekoran daripada saranan Y.A.B. Perdana Menteri untuk mewujudkan satu kaedah perolehan secara bidaan elektronik dengan tujuan mendapatkan tawaran yang lebih kompetitif, proses yang cepat serta pemilihan pembekal secara lebih telus. Perkembangan teknologi maklumat yang semakin pantas di era globalisasi telah banyak merubah jaringan komunikasi dunia dan menuntut supaya semua urusan dapat dilakukan dengan cepat dan selamat termasuk perkhidmatan Kerajaan.



Justeru, eBidding telah diperkenalkan pada bulan September tahun 2006 sebagai anjakan paradigma kepada kaedah perolehan sedia ada pada masa kini. eBidding membolehkan Kerajaan mendapatkan tawaran harga yang lebih kompetitif secara atas talian, 'real time' dan interaktif dengan berkonsepkan Lelongan Terbalik (Reverse Auction) iaitu bidaan dibuat atas penurunan harga di dalam nilai gandaan tertentu. Pengenalan eBidding yang sesuai pada masanya adalah untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang dapat membantu kitaran perniagaan pembekal (business cycle) sekali gus merancakkan lagi aktiviti pertumbuhan ekonomi negara.



Dari tahun 2007 sehingga 2008, sebanyak 100 perolehan bekalan/perkhidmatan telah berjaya dilakukan melalui modul eBidding dengan nilai keseluruhan berjumlah RM154 juta. Kementerian Kewangan merupakan kementerian yang pertama dalam melaksanakan eBidding secara perintis dan diikuti oleh beberapa kementerian lain. Dengan kejayaan ini, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2009 berkuat kuasa mulai 10 Februari 2009 supaya perolehan Kerajaan secara eBidding bagi bekalan dan perkhidmatan dilaksanakan oleh semua Kementerian.



Tatacara Pelaksanaan Perolehan Secara eBidding

Terdapat empat peringkat utama yang terlibat dalam proses eBidding iaitu persediaan, pra-kelayakan, bidaan atas talian dan pembekalan. Di bawah peringkat persediaan, terdapat beberapa tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan Kerajaan sebelum proses eBidding dilakukan. Antaranya, ialah penyediaan spesifikasi, penetapan syarat dan termasuk kriteria pra-kelayakan dan pengiklanan. Ini bertujuan untuk memastikan proses eBidding dapat dilakukan mengikut perancangan dan masa yang ditetapkan.


Manakala Pra-kelayakan pula merupakan peringkat di mana pembekal yang berminat untuk menyertai eBidding akan disaring mengikut spesifikasi teknikal yang telah

ditetapkan terlebih dahulu. Dengan kata lain, hanya pembekal yang benar-benar layak memenuhi syarat teknikal akan di senarai pendek dan dijemput untuk menyertai proses bidaan atas talian. Di antara perkara yang terlibat di bawah peringkat pra-kelayakan adalah pengeluaran notis pelawaan, penghantaran tawaran permulaan oleh pembekal, penilaian pra-kelayakan, pengesahan senarai pendek pembekal dan jemputan kepada pembekal yang layak.

Seterusnya, pembekal akan membuat proses bidaan secara atas talian pada tarikh dan tempoh yang telah ditentukan oleh Jabatan Kerajaan. Bidaan boleh dilakukan dari mana-mana lokasi oleh pembekal asalkan mempunyai akses kepada komputer bertalian Internet. Tempoh masa bidaan ditentukan bergantung pada bilangan pembekal. Keputusan bidaan berdasarkan kepada kedudukan

Perihal Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan	Tempoh Urusan Perolehan Melalui eBidding	Nilai Anggaran (RM)	Nilai Sebenar eBidding (RM)	Peratusan Penjimatan Berdasarkan Anggaran Harga
Pembelian Komputer Peribadi	17 hari	972,000	542,120	46%
Pembelian Peralatan ICT	17 hari	705,600	448,791	36%
Perkhidmatan Mencuci dan Membersih Kawasan Pejabat	25 hari	1,417,992	1,120,385	21%

Jadual 1



(ranking) pembekal yang menawarkan harga terendah dan mencerminkan harga pasaran semasa serta kompetitif. Surat setuju terima akan dikeluarkan kepada pembida yang berjaya.

Untuk menyertai proses eBidding, pembekal hanya perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan secara atas talian melalui laman web www.eperolehan.gov.my. Pembekal yang berdaftar dalam bidang berkaitan boleh menyertai eBidding secara atas talian. Dengan cara ini, pembekal tidak perlu lagi berulang-alik ke Jabatan Kerajaan untuk menyelesaikan urusan yang diperlukan sebaliknya bebas beroperasi dari pejabat atau di mana sahaja.

Faedah-Faedah eBidding

eBidding memberi banyak faedah kepada Kerajaan dan juga pembekal.

Di pihak Kerajaan, eBidding membantu mempercepatkan proses membuat keputusan iaitu berdasarkan kepada harga terendah yang ditawarkan oleh pembekal semasa proses bidaan. Malah, urusan perolehan juga kini menjadi lebih mudah melalui proses saringan pembekal yang dilakukan secara automatik oleh sistem. Penggunaan sumber Kerajaan turut bertambah cekap di mana masa untuk menguruskan perolehan lebih pendek dan tumpuan boleh diberikan kepada tugas-tugas lain yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada orang ramai. Tempoh masa dan perbelanjaan Kerajaan yang berjaya dijimatkan adalah seperti di Jadual 1.

Merujuk kepada Jadual 1, Kerajaan mampu menjimatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak 20 hingga 40 peratus

daripada peruntukan bagi perolehan produk dan perkhidmatan kerana harga bidaan yang dilakukan oleh pembekal adalah mencerminkan harga pasaran sebenar yang kompetitif. Selain itu, tempoh masa perolehan secara eBidding juga boleh dilakukan dengan cepat antara 20 hingga 30 hari berbanding kaedah tender yang memakan masa sehingga 6 bulan.

Ketelusan adalah terjamin melalui ePerolehan kerana semua transaksi dan dokumen perolehan direkodkan dan disahkan dengan penggunaan teknologi Prasarana Kunci Awam (Public Key Infrastructure – PKI). Di samping itu, Jabatan Kerajaan mendapat produk terbaik kerana memenuhi syarat keperluan spesifikasi teknikal yang ditetapkan. eBidding yang boleh disifatkan sebagai ‘fast track’ ini meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada pembekal dan menjamin ketelusan dalam setiap urusan perolehan. Perbandingan antara perolehan eBidding dan tender dapat dilihat melalui Jadual 2.

Perkara Perbandingan	Perolehan Secara Tender	Perolehan Secara eBidding
Tempoh Masa Sah Laku	Sehingga 6 Bulan	45 Hari
Publisiti	Surat Khabar Laman Web	Laman Web
Keputusan Pemilihan Pembekal	Dalam tempoh sah laku	7 Hari selepas bidaan

Jadual 2: Perbandingan eBidding dengan Tender



Di pihak pembekal pula, mereka bebas untuk bersaing antara satu sama lain dengan lebih telus. Peluang untuk menyertai tawaran Kerajaan turut semakin meluas kerana maklumat mengenai pelawaan eBidding dipaparkan di dalam laman web sistem ePerolehan yang boleh diakses oleh mana-mana pembekal seluruh negara. Melalui eBidding, pembekal boleh membuat bidaan mengikut kemampuan dan melihat sendiri perubahan kedudukan (ranking) secara langsung di dalam sistem seperti di Gambar Rajah 1. Selain itu, pembekal juga boleh mendapat keputusan dengan lebih cepat kerana pemilihan pembekal adalah mengikut kedudukan pembida yang menawarkan harga terendah. Surat setuju terima juga dikemukakan kepada pembida yang berjaya secara atas talian.

Syarikat Premask Computer Sdn. Bhd. yang pernah menyertai eBidding sebelum ini menganggap eBidding merupakan kaedah yang lebih mudah berbanding kaedah perolehan yang lain dan sangat dialu-alukan. eBidding membolehkan syarikat tersebut membuat bidaan yang kompetitif secara interaktif, kerana ianya memberi fleksibiliti untuk membuat kekerapan bidaan harga untuk mencapai tawaran harga yang terbaik yang boleh ditawarkan. Cara sebegini dilihat lebih telus kerana pemilihan pembekal hanya berdasarkan pada harga tawaran dan dilakukan secara serentak dalam talian.

Proses eBidding yang menekankan perolehan secara elektronik mampu menjimatkan kos operasi dan masa kepada pembekal. Ini kerana pembekal tidak perlu lagi berulang alik ke Jabatan Kerajaan untuk menyelesaikan urus niaga perolehan sebaliknya bebas beroperasi di pejabat atau di mana-mana sahaja asalkan mempunyai akses kepada komputer bertalian Internet. Pembekal turut menerima pembayaran dengan lebih cepat, tepat dan selamat melalui pindahan wang terus ke dalam akaun bank secara Electronic Fund Transfer (EFT).

Selain itu, penggunaan kertas juga dapat dikurangkan kerana tawaran kepada eBidding dihantar kepada Jabatan Kerajaan secara atas talian. Kelebihan ini disokong dan diakui sendiri oleh syarikat QSIT (M) Sdn. Bhd. dari Kuching, Sarawak. Kos operasi pentadbiran syarikat ini berjaya dijimatkan sehingga 60 peratus apabila menyertai eBidding. Begitu juga dengan syarikat Far-Go Link Freight Services Sdn. Bhd. dari Klang Selangor, spesifikasi produk dan perkhidmatan yang seragam dan jelas ditetapkan melalui eBidding, dapat mengurangkan kerja di pihak syarikat tersebut dalam penyediaan kertas kerja.

Menurut wakil daripada syarikat Kilang Beras Mihoda Sdn. Bhd, beliau menyokong inisiatif pihak Kerajaan di dalam usaha untuk menambahbaik aktiviti perolehan melalui penggunaan eBidding ini kerana lanya telah membuka peluang kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana seperti mereka untuk menjalankan perniagaan dengan mudah bersama Agensi Kerajaan. Menurut beliau lagi, eBidding adalah satu platform bagi semua syarikat bersaing secara positif di samping memberi peluang kepada syarikat

yang berkualiter untuk membuktikan kualiti perkhidmatan yang dapat mereka berikan kepada pihak Kerajaan.

Rumusan

Ketelusan dan akauntabiliti pentadbiran sektor awam merupakan faktor penting di dalam mempertingkatkan daya saing Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) adalah satu ukuran holistik tahunan bagi mengukur keberkesanan Pelan Integriti Nasional terutamanya dari sudut mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam dan mengatasi karenah birokrasi.

Penggunaan secara meluas modul eBidding ini juga akan berupaya menyokong kesan yang positif kerana ianya terbukti berkesan di dalam pengendalian urusan perolehan yang lebih efisien melalui kualiti bekalan, penjimatan masa dan kos urus niaga bagi kedua-dua pihak Kerajaan dan pembekal. Secara tidak langsung, ketelusan dapat dipertingkatkan dengan proses pemilihan dan pembayaran yang lebih singkat selaras dengan ucapan Y.A.B Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa membentangkan bajet mini pada 10 Mac 2009.

Bagi membantu pembekal di dalam menggunakan sistem ePerolehan, terdapat 8 buah ePerolehan Centre yang telah dibuka di beberapa negeri di seluruh negara seperti di Putrajaya, Petaling Jaya, Perak, Pulau Pinang, Johor, Kota Kinabalu dan Kuching. ePerolehan Centre adalah bertujuan untuk memberi khidmat bantuan mengenai sistem ePerolehan kepada pembekal selain daripada menyelesaikan masalah berkaitan pendaftaran pembekal dan status terkini pembekal tersebut. Beberapa cawangan tambahan ePerolehan Centre akan dibuka di Melaka, Pahang, Kedah, Terengganu, Tawau dan Miri bagi memberi bantuan kepada pembekal yang berada di luar kawasan Lembah Klang. Kepada pembekal yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai eBidding dan sistem ePerolehan khususnya bolehlah menghubungi talian khidmat bantuan di 03 - 7985 7777 atau melayari laman web ePerolehan di www.eperolehan.gov.my




saksi dan alami wajah baru ePerolehan

eperolehan
www.eperolehan.gov.my



The screenshot shows the main landing page of the ePerolehan website. At the top, there's a banner with the text "MUDAH" and "Untungnya dalam talian yang mudah" followed by "carai dan tampa had". Below the banner, there are several sections:

- Mengenal ePerolehan**: Includes links like "Log Masuk ke dalam Akaun eP", "Log Masuk ke BPK", "Log Masuk ke Bursa", "Agensi Kerajaan", and "Laman Korporat".
- Pembekal/Penfunding**: Includes links like "Log Masuk ke dalam Akaun eP", "Log Masuk ke BPK", "Log Masuk ke Bursa", "Agensi Kerajaan", and "Laman Korporat".
- Kempen**: Includes links like "Log Masuk ke dalam Akaun eP", "Log Masuk ke BPK", "Log Masuk ke Bursa", "Agensi Kerajaan", and "Laman Korporat".
- Muat Turun ePerolehan**: Includes links like "Urus Mendirikan Akta eP", "Dokumen Silang CBT", "Modul Lelaran CBT", "Manual Pengguna", "Manual Kebutuhan", and "Borang Permohonan Lelaran".
- Muat Turun Pembekal/Penfunding**: Includes links like "Dokumen Silang eP", "Modul Lelaran CBT", "Manual Pengguna", "Manual Kebutuhan", and "Borang Permohonan Lelaran".
- Muat Turun Kempen**: Includes links like "Dokumen Silang eP", "Modul Lelaran CBT", "Manual Pengguna", "Manual Kebutuhan", and "Borang Permohonan Lelaran".



Direktori ePerolehan

- ✓ lebih informatif
- ✓ lebih terkini
- ✓ komprehensif
- ✓ diperakui oleh Kementerian Kewangan Malaysia

Laman web ePerolehan

- ✓ lebih informatif
- ✓ lebih interaktif
- ✓ maklumat terkini
- ✓ di lengkapi dengan aksesibiliti